

PENGHURAIAN KERJA PERKHIDMATAN PEMERIKSA KAPALTERBANG

1 SKIM PERKHIDMATAN

Pemeriksa Kapal Terbang Gred AT41, AT43/44, AT47/48, A51/52, A53/54

2 PERINGKAT ORGANISASI

Jabatan Penerbangan Awam Malaysia.

3 RINGKASAN TUGAS

Bertanggungjawab menjalankan tugas-tugas certifikasi, kelulusan kejuruteraan, pembuatan kapal udara (termasuk kapal udara rekreasi), uji terbang, pendaftaran kapal udara, memperakui keselamatan terbang, kelulusan *Air Operator's Certificate*, kelulusan organisasi penyenggaraan, pemeriksaan kapal udara dan pelesenan jurutera penyenggaraan.

4 SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS

4.1 Pemeriksa Kapal Terbang Gred AT41

- a. Mengenal pasti piawaian dan keperluan *airworthiness*.
- b. Memeriksa dan meneliti keadaan fizikal kapal udara penerbangan am untuk pengeluaran dan membaharui sijil Perakuan Keselamatan Terbang.
- c. Memastikan kapal udara di senggara dan di baik pulih mengikut piawaian-piawaian yang ditetapkan oleh DCA.
- d. Memeriksa dan meluluskan pengubahsuaian kapal udara serta peralatan dan kelengkapannya.
- e. Menjalankan penyelidikan ke atas kerosakan kapal udara dan peralatannya serta mengambil tindakan yang sewajarnya.
- f. Memeriksa dan meluluskan jadual penyenggaraan kapal udara dan pindaan-pindaannya.
- g. Mengawal selia organisasi penyenggaraan dan baik pulih kapal udara serta peralatan dan kelengkapan yang digunakan oleh pengendali udara.

- h. Memastikan organisasi penerbangan awam mempunyai data-data teknikal, peralatan dan kemudahan yang mencukupi serta kakitangan yang terlatih untuk menyenggara kapal udara yang digunakan.
- i. Memeriksa stesen-stesen garisan di dalam dan di luar negeri yang digunakan oleh organisasi penerbangan negara.
- j. Merangka siasatan terhadap laporan insiden/ kerosakan pesawat, peralatan atau kelengkapannya.
- k. Menentukan penilaian *Airworthiness Directive*, *Service Bulletin*, *Service Letter* dan lain-lain dijalankan.
- l. Menerima, mengkaji dan meluluskan permohonan pengeluaran mendapatkan lesen Jurutera Kapal udara *Issue of Aircraft Maintenance Engineers Licence* untuk semua kategori.
- m. Merancang jadual peperiksaan lisan dan bertulis bagi calon-calon yang berkeelayakan.
- n. Menjalankan peperiksaan lisan untuk lesen asas dan *Type Rating*.
- o. Menyemak memeriksa dan meluluskan program latihan serta kursus-kursus asas dan *Aircraft Type Training* yang dijalankan oleh institusi penerbangan menepati kehendak peraturan penerbangan awam.
- p. Menjalankan pemeriksaan ke atas pusat-pusat latihan yang mengendalikan latihan teknikal yang menjalankan latihan untuk melatih *Aircraft Maintenance Engineers*.
- q. Mengawal selia latihan praktikal yang dijalankan oleh pusat-pusat yang diluluskan.
- r. Menentukan reka bentuk kapal udara menepati piawaian rekabentuk FAR, JAR, BCAR atau piawaian yang diiktiraf oleh DCA.
- s. Menentukan komponen dan peralatan struktur yang dipasang ke kapal udara telah menepati piawaian-piawaian yang diiktiraf oleh DCA.
- t. Merangka dan menderaf *Airworthiness Directives* untuk kapal udara dan peralatan kapal udara buatan Malaysia dan kapal udara buatan asing berdaftar di Malaysia.

- u. Memperakui *validation* reka bentuk kapal udara buatan negara luar untuk tujuan import dan operasi di Malaysia menepati piawaian reka bentuk yang diiktiraf oleh DCA.
- v. Memeriksa dan meluluskan organisasi pembuat kapal udara, peralatan dan seterusnya mengeluarkan Sijil Kelulusan Organisasi Pembuatan.
- w. Mengawasi kerja-kerja pembuatan/ pemasangan kapal udara rekreasi untuk memastikan kerja-kerja dijalankan menepati dokumen, pelan/ lukisan reka bentuk dan proses pembuatan yang telah diluluskan dan seterusnya mengeluarkan Permit Penerbangan.
- x. Mengambil bahagian dalam penyiasatan kemalangan kapal terbang dan menyediakan laporan berkenaan.
- y. Memberi khidmat nasihat kepada organisasi penerbanganawam.
- z. Menjalankan tugas yang diarahkan oleh pegawai atasan.

4.2 Pemeriksa Kapal Terbang Gred AT43/44

- a. Mengenal pasti piawaian dan keperluan *airworthiness*.
- b. Memeriksa dan meneliti keadaan fizikal kapal udara penerbangan am untuk pengeluaran dan membaharui sijil Perakuan Keselamatan Terbang.
- c. Memastikan kapal udara di senggara dan di baik pulih mengikut piawaian-piawaian yang ditetapkan oleh DCA.
- d. Memeriksa dan meluluskan pengubahsuaian kapal udara serta peralatan dan kelengkapannya.
- e. Menjalankan penyelidikan ke atas kerosakan kapal udara dan peralatannya serta mengambil tindakan yang sewajarnya.
- f. Memeriksa dan meluluskan jadual penyenggaraan kapal udara dan pindaan-pindaannya
- g. Mengawal selia organisasi penyenggaraan dan baik pulih kapal udara serta peralatan dan kelengkapan yang digunakan oleh pengendali udara.
- h. Memastikan organisasi penerbangan awam mempunyai data-data teknikal, peralatan dan kemudahan yang mencukupi serta kakitangan yang terlatih untuk menyenggara kapal udara yang digunakan.

- i. Memeriksa stesen-stesen garisan di dalam dan di luar negeri yang digunakan oleh organisasi penerbangan negara.
- j. Merangka siasatan terhadap laporan insiden/ kerosakan pesawat, peralatan atau kelengkapannya.
- k. Menentukan penilaian *Airworthiness Directive*, *Service Bulletin*, *Service Letter* dan lain-lain dijalankan.
- l. Menerima, mengkaji dan meluluskan permohonan pengeluaran mendapatkan lesen Jurutera Kapal udara *Issue of Aircraft Maintenance Engineers Licence* untuk semua kategori.
- m. Merancang jadual peperiksaan lisan dan bertulis bagi calon-calon yang berkelayakan.
- n. Menjalankan peperiksaan lisan untuk lesen asas dan *Type Rating*.
- o. Menyemak memeriksa dan meluluskan program latihan serta kursus-kursus asas dan *Aircraft Type Training* yang dijalankan oleh institusi penerbangan menepati kehendak peraturan penerbangan awam.
- p. Menjalankan pemeriksaan ke atas pusat-pusat latihan yang mengendalikan latihan teknikal yang menjalankan latihan untuk pelatih *Aircraft Maintenance Engineers*.
- q. Mengawal selia latihan praktikal yang dijalankan oleh pusat-pusat yang diluluskan.
- r. Menentukan reka bentuk kapal udara menepati piawaian reka bentuk FAR, JAR, BCAR atau piawaian yang diiktiraf oleh DCA.
- s. Menentukan komponen dan peralatan struktur yang dipasang ke kapal udara telah menepati piawaian-piawaian yang diiktiraf oleh DCA.
- t. Merangka dan menderaf *Airworthiness Directives* untuk kapal udara dan peralatan kapal udara buatan Malaysia dan kapal udara buatan asing berdaftar di Malaysia.
- u. Memperakui *validation* reka bentuk kapal udara buatan negara luar untuk tujuan import dan operasi di Malaysia menepati piawaian reka bentuk yang diiktiraf oleh DCA
- v. Memeriksa dan meluluskan organisasi pembuat kapal udara, peralatan dan seterusnya mengeluarkan Sijil Kelulusan Organisasi Pembuatan.

- w. Mengawasi kerja-kerja pembuatan/ pemasangan kapal udara rekreasi untuk memastikan kerja-kerja dijalankan menepati dokumen, pelan/ lukisan reka bentuk dan proses pembuatan yang telah diluluskan dan seterusnya mengeluarkan Permit Penerbangan.
- x. Mengambil bahagian dalam penyiasatan kemalangan kapal terbang dan menyediakan laporan berkenaan.
- y. Memberi khidmat nasihat kepada organisasi penerbanganawam.
- z. Menjalankan tugas yang diarahkan oleh pegawai atasan.

4.3 Pemeriksa Kapal Terbang Gred AT47/48

- a. Membantu merancang dan menggubal piawaian polisi, arahan serta bahan rujukan *Airworthiness*.
- b. Merancang dan mengadakan jadual untuk urusan penilaian, kelulusan dan penyeliaan organisasi berkaitan *airworthiness* seperti organisasi reka bentuk, organisasi pembuatan, organisasi penyenggaraan dan organisasi latihan.
- c. Menentukan reka bentuk kapal udara menepati piawaian reka bentuk FAR, JAR, BCAR atau piawaian yang diiktiraf oleh DCA.
- d. Mengawasi kerja-kerja pembuatan/ pemasangan kapal udara rekreasi untuk memastikan kerja-kerja dijalankan menepati dokumen, pelan/ lukisan reka bentuk dan proses pembuatan yang telah diluluskan dan seterusnya mengeluarkan Permit Penerbangan.
- e. Mengeluarkan kelulusan kepada organisasi/ personel untuk pembuatan, pemasangan dan pemeriksaan kapal udara rekreasi.
- f. Menentukan peralatan yang dipasang ke kapal udara telah menepati piawaian-piawaian yang diiktiraf oleh DCA.
- g. Memperakui *validation* reka bentuk kapal udara buatan negara luar untuk tujuan import dan operasi di Malaysia menepati piawaian reka bentuk yang diiktiraf oleh DCA.
- h. Memastikan keperluan dan prosedur berkaitan penyenggaraan kapal udara bagi menyokong operasi kapal udara mengikut piawaian yang ditetapkan oleh DCA.
- i. Mengawasi organisasi penerbangan awam berhubung dengan kejuruteraan dan penyenggaraan kapal udara melalui

penyelarasan kawalan jaminan mutu organisasi penerbangan tersebut.

- j. Memberi khidmat nasihat kepakaran teknikal dalam bidang sistem kapal udara kepada unit-unit lain dalam Bahagian *Airworthiness*, DCA dan industri.
- k. Mengambil bahagian di dalam penyiasatan kemalangan kapal udara.
- l. Menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh pegawai atasan.

4.4 Pemeriksa Kapal Terbang Gred AT51/52

- a. Merancang dan mengawal pentadbiran *Airworthiness* untuk memastikan tugas-tugas dijalankan dengan efektif, licin dan efisien.
- b. Mengarah kerja-kerja *Airworthiness* untuk memenuhi tanggung jawab yang diperuntukkan dalam MCAR seperti certifikasi, kelulusan kejuruteraan, pembuatan kapal udara (termasuk kapal udara rekreasi), uji terbang, pendaftaran kapal udara, memperakui keselamatan terbang, kelulusan *Air Operator's Certificate*, kelulusan organisasi penyenggaraan, kelulusan manual penyenggaraan, pemeriksaan kapal udara dan pelesenan jurutera penyenggaraan.
- c. Menyelia dan membuat pembahagian tugas harian pegawai-pegawai bawahannya.
- d. Memastikan pegawai-pegawai *Airworthiness* menggunakan prosedur dan piawaian certifikasi, pemeriksaan dan penyeliaan yang bersesuaian dengan tugas.
- e. Merancang dan mengenal pasti keperluan latihan-latihan untuk meningkatkan kemahiran pegawai-pegawai *Airworthiness* bagi menampung tugas-tugas bersesuaian dengan teknologi baru dan jenis kapal udara yang baru.
- f. Merancang dan menggubal piawaian *Airworthiness* untuk di guna pakai ke atas industri penerbangan awam negara.
- g. Merancang dan menggubal polisi, arahan serta bahan rujukan berhubung certifikasi, pembuatan dan *airworthiness* kapal udara (termasuk kapal udara rekreasi) dan peralatannya.
- h. Menentukan penilaian dan kelulusan yang ditetapkan oleh peraturan-peraturan penerbangan awam negara di patuhi oleh industri.

- i. Mengawasi prestasi, dari segi keselamatan kapal udara (termasuk kapal udara rekreasi) dan peralatan buatan Malaysia dengan menganalisa laporan kerosakan produk tersebut, meluluskan *Service Bulletin* dan mengeluarkan *Airworthiness Directives*.
- j. Memberi khidmat kepakaran di dalam penyiasatan insiden dan kemalangan kapal udara.
- k. Mengekalkan hubungan dengan syarikat pembuat kapal udara, kelengkapan serta peralatannya serta dengan ICAO dan pihak berkuasa negara lain dari segi keperluan, amalan dan peraturan *Airworthiness*.
- l. Menjalankan tugas yang diarahkan oleh pegawai atasan.

4.5 Pemeriksa Kapal Terbang Gred AT53/54

- a. Merancang dan menggubal polisi, piawaian dan dasar peraturan *Airworthiness* negara.
- b. Memastikan peranan, tanggung jawab dan kewibawaan jabatan dalam aspek *airworthiness* sentiasa terkawal dan tercapai.
- c. Memastikan fungsi-fungsi dan aktiviti-aktiviti Bahagian *Airworthiness* berjalan lancar berpandukan prosedur yang ditetapkan.
- d. Memastikan keperluan dan prosedur *Airworthiness* dipatuhi selaras dengan peraturan-peraturan negara dan antarabangsa.
- e. Memberi khidmat nasihat kepakaran teknikal kepada Jabatan, industri penerbangan negara dan agensi-agensi luar negara.
- f. Mengekalkan perhubungan dengan bahagian-bahagian lain di dalam Jabatan, Organisasi Penerbangan Awam dalam dan luar negara dari segi keperluan, amalan dan peraturan *airworthiness*.
- g. Mewakili jabatan dalam perbincangan Perjanjian Persefahaman Dua Hala *Airworthiness/ Keselamatan Penerbangan* antara Malaysia dan negara-negara lain.
- h. Memberi khidmat kepakaran dan nasihat di dalam penyiasatan kemalangan kapal udara.
- i. Menjalankan tugas yang diarahkan oleh pegawai atasan.

5 HUBUNGAN KERJA

Dalaman

- a. Pengurusan Tertinggi.
- b. Bahagian bahagian lain dalam Jabatan.

Luaran

- a. International Civil Aviation Authority (ICAO).
- b. Semua Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Negara-Negara di dunia.
- c. Syarikat dan Organisasi Penerbangan Awam di dunia.
- d. Semua Kementerian/ Jabatan di peringkat persekutuan dan negeri, semua agensi/ Badan Berkanun, semua Kerajaan Tempatan dan individu yang berurusan.
- e. Institusi Pengajian Tinggi dalam dan luar negara.

6 PERSEKITARAN KERJA

- a. Dalam dan luar pejabat.
- b. Dalam Negara dan Luar Negara.

7 KEMAMPUAN YANG DIUTAMAKAN (PENGETAHUAN/ KEMAHIRAN)

- a. Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (penerbangan, elektrik atau elektronik) yang diiktiraf.
- b. Berkelulusan *Aircraft Maintenance Engineer's Licence* yang diiktiraf.
- c. Berkebolehan dalam bidang undang-undang, peraturan-peraturan dan prosedur prosedur berkaitan *Airworthiness* khususnya dan penerbangan awam amnya.
- d. Berkebolehan menganalisa laporan teknikal berkaitan *airworthiness*.
- e. Berkebolehan berkomunikasi secara lisan dan bertulis sama ada dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.
- f. Berkebolehan memberikan pendapat secara profesional, memberi khidmat nasihat dan mengemukakan hujah-hujah dengan baik.
- g. Berkebolehan dalam menulis laporan yang berkualiti.

8 SIFAT-SIFAT YANG BERSESUIAN DENGAN JAWATAN

- a. Integriti.
- b. *Espirit de Corps*.
- c. Profesionalisme.
- d. Bertanggungjawab.
- e. Kebebasan, adil dan saksama.
- f. Kualiti.
- g. Kerahsiaan.
- h. Kompetensi dan ketelitian.
- i. Disiplin diri.

9 ANCAMAN BAHAYA

- a. Percanggahan kepentingan.
- b. Penglibatan dengan aktiviti audit teknikal.
- c. Penglibatan dengan aktiviti luar pejabat.
- d. Boleh diambil tindakan undang-undang.
- e. Risiko terdedah kepada peluang penyelewengan.
- f. Risiko terdedah kepada ancaman nyawa dan keluarga.
- g. Penglibatan dengan aktiviti penyiasatan kemalangan pesawat.
- h. Tekanan.

Sumber: Jabatan Penerbangan Awam Malaysia Ruj. (38)DCA/TAD/a/13.69(S) Jld.3 bertarikh. 14 Mei 2012.